

# Hargai khazanah hidupan laut, untuk generasi akan datang

Oleh RUZAINI ZULKIFLI  
noscore2006@yahoo.com

**KOTA KINABALU:** Kehidupan laut merupakan khazanah paling indah, namun sekiranya ia tidak dijaga, nescaya generasi yang datang tidak dapat melihatnya dalam keadaan sempurna.

Pengarah Konservasi dan Taman Nasional Laut Indonesia, Ir Agus Dermawan, berpendapat generasi akan datang bakal tidak berpeluang melihat kecantikan dan keindahan sekiranya tidak dibendung aktiviti manusia yang mampu melenyapkan khazanah terbabit.

"Lebih-lebih lagi kepada kehidupan laut yang banyak diancam kepupusan. Rata-rata manusia tidak menyedari musibah aktiviti penangkapan ikan tanpa terkawal, pencemaran dan pemanasan global yang mampu mengakibatkan kehidupan tersebut terjejas.

"Berikutan itu, populasi kehidupan ini harus dijaga. Seperti di Indonesia juga yang mempratikkan pemuliharaan hidupan laut ini sama ada untuk pembiakbakaan ataupun yang dilindungi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyaksikan upacara

pelepasan 45 ikan Mameng atau nama saintifiknya 'Cheilinus undulatus' ke pesisiran pantai Taman Tunku Abdul Rahman (TARP), Pulau Manukan, dekat sini kelmarin.

Menurutnya, Indonesia termasuk dalam Program Komiti Sulu Sulawesi Eco-Region (SMSE) iaitu Indonesia, Malaysia dan Filipina, yang merupakan usaha murni dalam pemuliharaan perairan tiga negara di samping penjagaan terumbu karang.

"Di Indonesia, kita telah banyak melaksanakan program melepaskan ikan ke perairan terlindung namun untuk jenis ikan Mameng ini belum lagi.

"Kita kerap bekerjasama antara WWF dan agensi-agensi lain dalam melindungi ikan paus, penyu dan taman-taman marin di sana seperti di Taman Tunku Abdul Rahman ini," katanya.

Usaha pelepasan ikan Mameng ini merupakan inisiatif Jabatan Perikanan Sabah, Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan WWF-Malaysia, bertujuan untuk projek pembiakbakaan dan pemuliharaan ikan berkenaan yang diisytiharkan sebagai

terancam.

Pengarah Perlindungan Kawasan dan Biro Hidupan Liar Filipina, Theresa Mundita Lim, pula berkata kajian mendalam mengenai perlindungan hidupan laut harus diterokai sewajarnya dan memerlukan tenaga mahir untuk menanganinya.

"Misalnya ikan Mameng ini, kita tidak mahu penangkapan berleluasa oleh nelayan boleh menjana kepada kepupusan hidupan ini.

"Malah dengan pencemaran dan pemanasan global masa kini menambahkan lagi derita hidupan laut yang pada asasnya dilakukan oleh manusia sendiri," katanya.


Menyentuh kepada isu kesan loji arang batu yang bakal beroperasi di Lahad Datu, bagi pihak komiti SMSE, Theresa berkata kajian menyeluruh harus diambil terlebih dahulu sebelum ia dilaksanakan.

"Kita melihat ia bakal memberi tampan hebat dengan kesan kepada alam sekitar termasuk negara Filipina di mana disana (Lahad Datu) adalah berdekatan dengan kita.

"Malah pembekalan hidupan dan pembekalan makanan laut dari tempat kami turut menerima kesan," katanya, merujuk pembinaan



**THERESA**



**AGUS**



**TREMLETT**

loji tersebut berhampiran Kampung Sinakut Lahad Datu.

"Oleh itu ternyata jelas mengapa kerjasama merupakan faktor penting kepada kita. Apapun tindakan di ambil masa hadapan, kita harus berfikir secara satu.

"Semua orang akan merasai kesannya, jadi kita harus bersama untuk mencari langkah meringankan kesan lantaran pelaksanaan aktiviti itu nanti," jelasnya.

Pelancong dari Australia, Gwen Tremlett, ketika ditemui berkata dia hampir percaya pada hari berkenaan dapat berpeluang untuk menyaksikan ikan-ikan tersebut kembali ke 'kampung halaman mereka'.

"Ternyata panaroma yang saya lihat ini adalah antara yang terindah yang pernah terlihat.

"Saya difahamkan ikan ini adalah spesies yang terancam dan hasil beli daripada penangkap ikan tempatan, dan kita mampu melihat kebahagiaan hidupan ini kembali kepada habitat mereka di selubungi perairan yang dilindungi," katanya.

Tremlett sempat merakamkan upacara tersebut melalui lensa kameranya dan akan membawa pulang memori berkenaan di tanah airnya.

"Saya akan kembali pulang ke Australia pada



**LEPAS IKAN... Rayner (dua paling hujung) bersama delegasi komiti SMSE melepaskan 45 ikan Mameng di perairan.**

esok bersama suami. Rasa terharu dalam berkesempatan kerana di tempat kami untuk melihatnya adalah sukar kerana jauh daripada kediaman kami di sana," kata Tremlett.

Sementara itu, Jabatan Perikanan Sabah kini telah menjalankan penyelidikan untuk menyenaraikan ikan Mameng sebagai kehidupan

spesies terancam di bawah Akta Perikanan 1985 di masa akan datang.

Pengarahnya, Rayner Stuel Galid, berkata penyelidikan Non-Detrimental Finding (NFD) dengan kerjasama oleh WWF-Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan membuka laluan untuk menangani masalah demikian.



**MEMORI... Rayner (duduk tiga kiri) bergambar kenangan bersama komiti SMSE dan WWF-Malaysia sebelum upacara pelepasan ikan Mameng di TARP. Turut kelihatan Theresa (duduk dua kiri).**